

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ.JKP.01/700-1/1/3 (3)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2021-2022)
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

Tarikh : 29 Jun 2021 (Selasa)
Masa : 10.30 Pagi – 11.20 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Komunikasi Korporat), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 7 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Jun 2021.

3. PERUTUSAN Pengerusi

YBrs. Puan Pengerusi mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi di atas limpah kurnia-Nya, kita dapat menghadiri Mesyuarat Majlis pada kali ini. Beliau ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada Majlis khususnya di dalam merealisasikan segala perancangan dan program-program yang dirancangan. Segala pencapaian dan kejayaan pastinya menuntut komitmen yang jitu selain semangat kerja berpasukan.



Memandangkan kita masih di dalam tempoh perintah kawalan pergerakan PKP 3.0. Perkhidmatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya termasuk proses permohonan daripada pelanggan akan terus dilaksanakan dengan amalan norma baharu dan pematuhan terhadap SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Selain daripada menjalankan tugas-tugas biasa di dalam menyampaikan perkhidmatan berkaitan permohonan bagi pembangunan, pelesenan permit, perkhidmatan pembersihan, kejuruteraan, kakitangan Majlis juga merupakan 'frontliners' bagi membendung penularan wabak Covid -19.

Seramai lebih 600 kakitangan Majlis merupakan barisan hadapan yang bertanggungjawab berkaitan tugas-tugas pemantauan pematuhan SOP, Majlis Keselamatan Negara di premis-premis perniagaan, pasar, gerai dan kawasan-kawasan kilang.

- 3.1 Bagi memantau perkhidmatan 'Essential' kepada penduduk; tugas-tugas penguatkuasaan pematuhan SOP Covid - 19 serta pelaporan terhadap kes-kes jangkitan Covid - 19 di kalangan kakitangan/Ahli Majlis. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuka bilik operasi dikenali sebagai SMART Covid - 19 OPERATIONAL ROOM atau nama ringkasnya SCOR di Bangunan Smart Centre, Ibu Pejabat MBPJ bermula 1 Jun 2021. Bilik Gerakan ini mengumpul dan menyelaraskan data-data serta pelaporan berkaitan, 'Essential Services'; pemantauan pematuhan SOP Covid - 19 dan pelaporan kes-kes jangkitan Covid -19 di kalangan kakitangan dan Ahli-ahli Majlis.

Orang awam pula boleh membuat pertanyaan berkaitan kebenaran operasi di bawah bidang kuasa PBT dan juga boleh mengemukakan aduan berkaitan mana-mana pelanggaran SOP Covid - 19. Bilik gerakan SMART COVID - 19 OPERATIONAL ROOM (SCOR) ini beroperasi 24 jam (Isnin hingga Ahad) dan boleh dihubungi di talian 03-79601249, faksimili 03-79540120 atau emel; bilikgerakan@mbpj.gov.my.

- 3.2 Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 86 'Essential Service' yang ditawarkan kepada penduduk Petaling Jaya. Sebanyak 67 perkhidmatan adalah secara atas talian ataupun 'online' dan 19 perkhidmatan selebihnya adalah secara manual. Di antara perkhidmatan atas talian adalah Sistem Aduan Online, eCommerce Karung Kitar, Sistem eLesen, eTempahan, eCOB, OSC Online, eBuilding MBPJ, ePay@MBPJ, eTender, Smart PJ Enforcement, eCukai@MBPJ, Bazar@PJKITA dan lain-lain lagi. Orang awam boleh mengakses perkhidmatan ini melalui pautan embpj.mbpj.gov.my.



Manakala 19 perkhidmatan 'essential' secara manual melibatkan aktiviti dan kawalan pencegahan demam denggi, kerja-kerja pembasmian kuman, permohonan tong sisa binaan, pemantauan SOP kawalan dan pencegahan Covid - 19. Perkhidmatan ini dilaksanakan melalui kaedah temujanji secara 'google form'.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP 3.0 mulai 1 Jun sehingga 28 Jun, sebanyak 54,071 urusan dan perkhidmatan telah diambil tindakan oleh Majlis melibatkan sejumlah RM30 Juta transaksi pendapatan dan perbelanjaan iaitu RM25.4 juta berkaitan pembayaran dan kutipan hasil sebanyak RM4.64 juta. Bagi permohonan temujanji, Majlis telah menerima sebanyak 86 permohonan.

Pihak Majlis juga telah membuat pemantauan kakitangan yang bekerja dari rumah ('Work From Home') dengan menggunakan perisian ('google workplaces') berdasarkan sasaran yang di tetapkan oleh Ketua Jabatan selaras dengan arahan merujuk kepada pekeliling Ketua Setiausaha Negara bertarikh 22 Mei 2021.

- 3.3 Bagi memantau pematuhan SOP Majlis Keselamatan Negara, pemantauan turut dilaksanakan secara digital dengan menggunakan CCTV di lokasi tumpuan ramai. Selain daripada itu, Majlis turut berkolaborasi bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya melalui operasi penguatkuasaan secara bersepadu. Operasi ini dapat mempertingkatkan keberkesanan di dalam tindakan yang di jalankan. Mulai daripada 7 Mei 2021 sehingga kini, Majlis telah mengeluarkan sebanyak 446 tindakan kompaun pelbagai kesalahan, 11 tindakan notis, 16 tindakan sitaan dan 6 arahan penutupan.

Selain itu, pihak Majlis juga dengan Kerjasama Unit Penguatkuasaan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan Operasi Pematuhan SOP PKP Skim Strata Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Operasi yang dijalankan bertujuan memastikan pengoperasian pengurusan dan penyelenggaraan bangunan berstrata di Petaling Jaya mematuhi SOP PKP yang telah ditetapkan. Ini menjadikan Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai PBT pertama di Malaysia yang telah berjaya melaksanakan operasi ini.

Selain itu, Majlis turut membuat semakan ke atas surat kelulusan beroperasi syarikat dan senarai pekerja yang telah diluluskan oleh kementerian berkaitan bagi memastikan tidak berlaku penyalahgunaan atau pemalsuan dokumen. Jika terdapat sebarang ketidakpatuhan SOP, nilai kompaun yang boleh dikenakan adalah berdasarkan magnitud kesalahan kategori 3 Akta 342 iaitu sebanyak RM2,000 untuk kesalahan individu dan RM10,000 untuk kesalahan perbadanan bagi setiap kesalahan yang dilakukan.



Pada peringkat permulaan, Majlis telah menyenaraikan sebanyak 10 skim strata untuk dilawati dan diperiksa. Operasi yang pertama telah dijalankan di Kelana Puteri Condominium, Kelana Jaya. Operasi ini akan diperluaskan ke seluruh skim strata yang melibatkan sebanyak 1,253 skim pemajuan di Petaling Jaya yang diuruskan sama ada oleh pihak pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan.

Diharapkan operasi sebegini dapat meningkatkan kesedaran dan menjadi pengajaran kepada pihak pengurusan skim strata yang lain sama ada Pemaju/JMB/MC/Ejen Pengurusan dan komuniti strata untuk sama-sama membantu negara melandaikan lengkung penularan jangkitan Covid -19 dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

- 3.4 Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan pemantauan kakitangan yang dijangkiti Covid -19 dan bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menentukan sama ada pesakit berkenaan akan dimasukkan ke hospital ataupun di kuarantin di pusat-pusat kuarantin atau kuarantin di rumah serta mengenal pasti kontak rapat kepada kes-kes berkenaan.
- 3.5 Merentas masa dari tarikh bersejarah 20 Jun 2006, merupakan detik penuh bermakna bagi Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang dinaik taraf statusnya daripada perbandaran ke bandar raya. Mengisi pembangunan Petaling Jaya yang mula dibuka pada tahun 1952, bandar raya bertuah ini mengalami evolusi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi yang amat pesat sehingga kini.

Bertemakan PJ Prihatin Komuniti Sejahtera sempena ulang tahun perisytiharan ke-15 pada tahun ini, MBPJ menzahirkan inisiatif sosial yang telah dilaksanakan sejak saban tahun menerusi pelaksanaan pelbagai program bagi kemudahan dan kesejahteraan komuniti. Pembangunan dan inisiatif ini sejajar dengan Pelan Strategik MBPJ 2021-2025.

Sebagai PBT yang prihatin kepada rakyat, Majlis sentiasa mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan masyarakat dengan penumpuan khusus perkhidmatan teras pengurusan bandar raya iaitu kemudahan dan infrastruktur awam, sisa pepejal, kebersihan, pengindahan bandar, pelesenan dan penguatkuasaan seperti di tetapkan di dalam 5 hala tuju utama agenda pembangunan mampan Majlis, Petaling Jaya, Pintar Mampan dan Berdaya Tahan Menjelang Tahun 2030 iaitu ekonomi berdaya saing, alam sekitar sejahtera, habitat berdaya huni, budaya dan komuniti serta urus tadbir baik.

Majlis telah melaksanakan program berbentuk bantuan dan kebajikan meliputi bantuan prihatin Covid-19 PJ City Foodbank, saguhati kepada pelajar cemerlang SPM dari golongan B40 dan miskin bandar serta bantuan kepada kakitangan Majlis yang dijangkiti Covid 19 serta kakitangan yang mengalami sakit kronik.



Prihatin dengan nasib golongan yang terjejas akibat penularan pandemik Covid -19, Majlis Bandaraya Petaling Jaya melalui program PJ City Food Bank mengambil inisiatif dengan melaksanakan pemberian sumbangan makanan kepada penduduk-penduduk miskin di Petaling Jaya yang terkesan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020.

Sepanjang tempoh PKP 3.0, sempena sambutan ulangtahun ke 15 Bandaraya Petaling Jaya, Majlis telah memberi bantuan barangan bekalan makanan kepada hampir 1000 keluarga miskin. Majlis juga turut memberikan sumbangan kepada 21 rumah kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang kurang upaya (OKU) dan warga emas di Petaling Jaya. Pada masa yang sama juga, Ahli-ahli Majlis, MBPJ turut mempunyai program tersendiri untuk memberikan bantuan makanan kepada penduduk Petaling Jaya yang terkesan akibat Pendemik Covid 19.

Bagi menjayakan program ini, Majlis telah mendapat sumbangan syarikat-syarikat korporat, pemaju dan syarikat-syarikat iklan yang menjalankan perniagaan di Petaling Jaya serta Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Kini, sebanyak 27 buah syarikat telah bekerjasama memberikan bantuan dari segi kewangan dan juga barangan makanan dan keperluan asas berjumlah lebih RM100 ribu.

Selain itu juga, Majlis turut menyampaikan sumbangan kecemerlangan kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang 5A dan ke atas dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sumbangan kecemerlangan ini telah dilaksanakan setiap tahun kepada pelajar golongan B40 yang terpilih di 5 buah sekolah angkat yang telah disenarai pendek dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Daerah Petaling Utama. Selain memberikan pengiktirafan dan penghargaan, inisiatif ini juga dilihat mampu untuk memberi galakan dan dorongan serta mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar bagi meningkatkan prestasi akademik masing-masing.

Pencapaian Majlis pada hari ini adalah hasil usaha keras Ahli Majlis serta kakitangan yang sentiasa berkhidmat dengan penuh dedikasi. Majlis juga akan menyampaikan sumbangan dan bantuan berbentuk wang tunai dan keperluan asas kepada kakitangan Majlis yang telah dijangkiti Covid - 19 dan yang sedang menjalani perintah kuarantin oleh pihak berkuasa sepanjang tempoh pandemik Covid - 19 berdasarkan rekod Majlis.

Majlis amat berbesar hati dalam melaksanakan Misi Bantuan Covid - 19 ini kerana program ini merupakan satu program yang sangat murni dan Majlis percaya jika lebih ramai lagi yang terlibat dalam memberi sokongan dan sumbangan, nescaya akan lebih ramai lagi penerima yang berkelayakan dapat menerima manfaat tersebut.



Majlis akan terus komited untuk memastikan Petaling Jaya akan dibangunkan sebagai bandar raya pintar, mampan, berdaya tahan dan dinamik selaras dengan tema Sambutan Hari Ulang Tahun Bandar Raya Ke-15 pada tahun ini iaitu "PJ Prihatin, Komuniti Sejahtera".

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

4.1 MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022)

4.1.2 Minit Mesyuarat Majlis Bilangan 4 Tahun 2021 bagi penggal 2021/2022 bertarikh 31 Mei 2021 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS:

5.1 LAPORAN MAKLUMBALAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 4 TAHUN 2021 (PENGGAL 2021/2022) YANG TELAH DIADAKAN PADA 31 MEI 2021.

Tiada.

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 15 JUN 2021. (RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/14(4))

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah Jabatan Perancangan dan Pembangunan MBPJ.

6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 17 JUN 2021. (RUJ.: MBPJ.JKP.01/600-1/1/2(4))

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 4.1.2 a) di muka surat 8 seperti berikut:



- a) Mengambil maklum dan meluluskan dengan pindaan sebagaimana yang dibincangkan Laporan Teknikal bagi...

6.2.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 5.1 di muka surat 13 yang dibangkitkan oleh Tuan Sr. Thayalan iaitu:

- a) Tuan Sr. Thayalan meminta agar Majlis mempercepatkan bayaran tertangguh kepada kontraktor terutama kontraktor yang telah siap kerja di lapangan. Beliau turut memohon agar Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Landskap dan Jabatan Kejuruteraan mengkaji semula proses invoice dan mencari jalan penyelesaian bagi mempercepatkan bayaran kepada kontraktor terlibat. Majlis perlu mengambil kira dengan keadaan ekonomi negara dan membantu syarikat/kontraktor dalam memudahcair pengurusan kewangan.
- b) Puan Pengerusi memohon perkara ini dikaji. Teguran ini adalah juga melibatkan semua jabatan yang melaksanakan kerja-kerja termasuk pelaksanaan projek pembangunan.

Tindakan : Pengarah Jabatan Landskap, MBPJ.

**6.3 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 22 JUN 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/400-1/2/4(4))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan meluluskan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

6.3.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 7.1 di muka surat 11 iaitu:

- a) Puan Hj. Sharinaz memaklumkan bahawa gerai Majlis dan aktiviti di bawah Usahawan Mikro dibenarkan beroperasi.

Tindakan : Pengarah Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

**6.4 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 23 JUN 2021.
(RUJ.: MBPJ.JKP.01/700-1/1/3(4))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.



7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK NG YIH MIIN

Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membuat ucapan penangguhan kali ini.

7.1.1 Program Bantuan Makanan Keadilan PJCare

Beliau memaklumkan bahawa program bantuan makanan keadilan PJCare adalah satu inisiatif untuk membantu rakyat yang terkesan akibat Covid-19 melalui pemberian bantuan makanan asas kepada keluarga yang dikenakan kuarantin di Petaling Jaya. Program ini adalah hasil inisiatif sembilan (9) orang Ahli Majlis, YB Ahli Parlimen Petaling Jaya dan YB ADUN Seri Setia.

Program ini bertujuan untuk memberi bakul makanan kepada penduduk-penduduk yang dikuarantin dan tidak dapat keluar rumah bagi membeli makanan asas. Selain itu situasi pandemik Covid-19 dan keadaan ekonomi negara juga menyebabkan keluarga tidak mampu untuk memesan makanan melalui Grabfood atau Foodpanda pada setiap hari. Dengan bantuan ini akan dapat meringankan beban keluarga yang dikenakan kuarantin.

Program yang bermula sejak 22 Mei 2021 ini telah memberi manfaat kepada 1,530 keluarga dengan jumlah keseluruhan ahli keluarga adalah seramai 6,700 orang.

Memandangkan Kerajaan telah menyambung Perintah Kawalan Pergerakan 3.0, program ini akan diluaskan kepada keluarga-keluarga B40 yang terkesan dengan pandemik Covid-19. Beliau turut memaklumkan program ini bukan setakat melibatkan pasaraya-pasaraya malah pengeluar produk makanan, restoran dan orang awam dengan penggerak yang terlibat dalam membantu menyalurkan bantuan makanan melalui Program Keadilan PJCare.

Beliau dan ahli program berharap agar program ini dapat dijalankan secara berterusan walaupun pandemik ini telah berakhir. Program ini berkonsepkan “Rakyat jaga Rakyat” di mana semua pihak termasuk syarikat-syarikat besar atau kecil, orang awam daripada semua lapisan masyarakat untuk sama-sama membantu golongan rakyat yang memerlukan. Saluran bantuan dari segi tenaga, kewangan dan barangan asas adalah amat di alu-alukan.



7.1.2 Ucapan Tahniah

Beliau mengucapkan tahniah kepada pihak Majlis yang mengambil inisiatif untuk memulakan Tabung Bencana Covid-19 di mana wargakerja MBPJ akan menyumbang melalui potongan elaun bulanan ke dalam tabung ini.

Selain itu ucapan tahniah kepada MBPJ yang memberikan sumbangan bakul makanan kepada 1,000 keluarga berpendapatan rendah.

Melihat kepada situasi pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan yang berlarutan, kita perlu meningkatkan usaha untuk membantu rakyat yang terkesan. Beliau amat berharap agar semua Ahli Majlis dan pihak majlis mempergiatkan kerjasama untuk menjalankan aktiviti yang tidak hanya terhad kepada bakul makanan sahaja tetapi membantu perniagaan-perniagaan di Petaling Jaya yang terkesan dan juga penduduk Petaling Jaya. Antara Inisiatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) Program Implementasi dan Perniagaan Digital kepada peniaga-peniaga yang tidak dapat beroperasi.
- b) Program Panduan Pekerjaan dan Majikan.
- c) Program Peningkatan Kemahiran kepada warga yang hilang pekerjaan ataupun tidak dapat mencari pekerjaan.

Sememangnya ini bukan tugas tradisi MBPJ, akan tetapi dalam situasi sekarang perlu ada pendekatan ke arah yang dinyatakan di atas.

Beliau selaku Pengerusi Keadilan PJCare merakamkan ribuan terima kasih kepada sembilan (9) orang Ahli Majlis yang terlibat iaitu Puan Ermeemarianna binti Saadon, Puan Norah binti Mansor, Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, Encik Sugumaran a/l Anamalai, Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang, Encik Anwar bin Nekhan, Encik Zamri bin Mohamad dan Puan Rahibah binti Che Omar. Ucapan penghargaan kepada YB. Puan Maria Chin binti Abdullah dan YB. Encik Halimey bin Abu Bakar, penyumbang serta sukarelawan yang bertungkus lumus membantu menjayakan program di atas.



Puan Pengerusi menegaskan agar #kitajagakita sentiasa dipatuhi. Semangat untuk memberikan kebajikan sangat bertepatan di dalam situasi sekarang. Beliau mengucapkan tahniah kepada Encik Ng Yih Miin dan sembilan (9) orang Ahli Majlis yang terlibat di dalam Program Bantuan Makanan Keadilan PJCare. Program ini boleh dijadikan contoh dan apa yang dibangkitkan tadi boleh kita `explore` terutama dari segi kesan kepada usahawan mikro, peniaga kecil dan pengusaha gerai serta mereka yang kehilangan pekerjaan.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi dan Puan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir.



(AZNAN BIN HJ. HASSAN) A.I.S.,
Timbalan Setiausaha,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Bertarikh : 2 Jun 2021



LAMPIRAN KEHADIRAN**HADIR:**

1. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T., - Pengerusi Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
2. Encik Terence Tan Teck Seng, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
3. Encik Suriase a/l Gengiah, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
4. Encik Zamri bin Mohamad, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
5. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
6. Encik Derek John Fernandez, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
7. Encik Wong Swee Sang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
8. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
9. Encik Sugumaran a/l R Annamalai, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Encik Anwar bin Nekhan, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Chan Pak Keung, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Leong Chee Cheng, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Loyis Anak Uding, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
14. Encik Ong Yew Thai, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.



16. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Puan Sakinah Bibi Nagoor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Puan Rahibah binti Che Omar, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Encik Ridzuan bin Hj. Ahmad @ Awang, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Puan Rozazitah binti Hj. Ahmad, P.J.K., (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Ng Yih Miin, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Norah binti Mansor, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
23. Puan Nalina Nair a/p Rama Krishnan, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.
24. Puan Chang She-Yun, (Google Meet)
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

25. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.

HADIR BERSAMA:

1. Encik Aznan bin Hassan, A.I.S.,
Timbalan Setiausaha, MBPJ.
2. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. YBhg. Datin Sr. Amreeta Kaur, P.P.T., M.R.I.S.M, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.



4. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
5. Tuan Ir. Hj. Ismail bin Shafie, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
6. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
7. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
8. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S., (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pelesenan, MBPJ.
9. Encik Lee Lih Shyan, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, MBPJ.
10. Tuan LAr. Dr. Badruzaman bin Jaafar, (Google Meet)
Pengarah,
Jabatan Landskap, MBPJ.
11. Puan Mahzura binti Mohd Amin, (Google Meet)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran, MBPJ.
12. Tuan TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman, PJK, (Google Meet)
Timbalan Pengarah (Perancangan Pembangunan),
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar, (Google Meet)
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.
14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S., (Google Meet)
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T., (Google Meet)
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa, P.J.K., (Google Meet)
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.



17. Puan Tee Tzu Fong, (Google Meet)
Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.
18. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy, – (Google Meet)
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.

URUSETIA :

1. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
2. Puan Roziah binti Mohd Din,
Pembantu Tadbir Kanan,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
3. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

